

**SINOPSIS
PROJEK-PROJEK
YANG MEMENANGI
ANUGERAH CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 1993 - 2010**

ANUGERAH EMAS 1993

PERUBAHAN PROSEDUR TAWARAN DAN SEBUTHARGA Kumpulan Lembaga Tawaran Negara Bahagian Tawaran Kementerian Kewangan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada 14 Mei 1992. Projek ini adalah merupakan satu perubahan dasar yang disesuaikan dengan kehendak perkembangan Perkhidmatan Awam dan pembangunan negara yang mana ianya telah mendapat sokongan dan komitmen pihak tertinggi dalam Kementerian Kewangan.

Projek ini memberikan penekanan ke atas proses dan aspek penurunan/pengagihan kuasa dan tanggungjawab dalam prosedur Tawaran dan Sebutharga di samping menyediakan mekanisma "*check and balance*" bagi mengelakkan sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam Perkhidmatan Awam.

Bidang tumpuan yang diketengahkan oleh projek ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam peraturan-peraturan yang sedia ada dan berkuatkuasa. Selain dari itu, projek ini juga mengetengahkan prinsip akauntabiliti dan mekanisme kawalan dalaman dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Perlaksanaan projek ini dapat menyatukan aspek-aspek pengurusan kewangan, pengurusan sumber, pengurusan masa dan pengurusan projek, iaitu dengan berpandukan kepada mekanisma yang bertujuan untuk mengawal dan menyelaraskan pengurusan sumber-sumber berkenaan secara dalaman dan luaran dengan lebih cekap dan berkesan. Melalui inisiatif ini, projek-projek yang dilaksanakan oleh

kementerian/jabatan berkenaan dapat dikawal dan diawasi dengan lebih cekap dan teratur.

Projek ini bukan saja dapat memendekkan masa dalam menyediakan perkhidmatan tertentu malahan juga dapat membantu pihak-pihak pelanggan/penerima perkhidmatan berkenaan untuk mencapai matlamat masing-masing mengikut apa yang mereka hasratkan. Pencapaian projek ialah seperti berikut:

- Mempercepatkan proses tawaran
- “*Responsibility sharing*” dengan memberikan kepercayaan dan penglibatan kepada kementerian lain tanpa menjejaskan kawalan dan pematuhan kepada Peraturan Kewangan 1983.

ANUGERAH PERAK 1993

KAWALAN KERJA LEBIH MASA Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia Kementerian Pertahanan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada 1 September 1991. Perlaksanaan projek ini menunjukkan adanya inisiatif pegawai-pegawai di semua peringkat pengurusan di Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan untuk mengemaskinikan dan menambahbaikkan sistem pengurusan dan pentadbiran sumber manusia ke arah pencapaian tahap perkhidmatan yang cemerlang.

Projek ini memberikan penekanan ke arah sistem pengurusan dan pentadbiran sumber manusia yang berkaitan dengan pengurusan-pengurusan masa, kewangan dan kerja. Projek ini khususnya ditumpukan kepada pengurusan kerja lebih masa bagi penggunaan sumber manusia secara optima dalam menyampaikan perkhidmatan yang produktif dan keberkesanan kos.

Sumbangan projek ini bukan sahaja banyak memberikan manfaat kepada Jabatan tersebut tetapi juga kepada kerajaan amnya. Perlaksanaan projek ini membawa kepada penambahbaikan dalam sistem bekerja yang lebih teratur, kemaskini dan efisien yang mana seterusnya membolehkan pihak pengurusan Jabatan untuk mengawal dan mengamati proses kerja dengan baik serta menjaga hal ehwal kebajikan pekerja dengan lebih adil. Selain dari itu, projek ini juga membolehkan Jabatan tersebut untuk memastikan keseragaman dalam melaksanakan sesuatu kerja.

Manakala sumbangan projek ini kepada kerajaan dapat dilihat dari segi penjimatan tenaga manusia bagi kerja-kerja tertentu yang membolehkan Jabatan tersebut untuk mengurangkan jumlah belanjawan peruntukan yang diperlukan untuk membiayai perkhidmatan yang disediakan. Sebelum dan selepas pelaksanaan projek, khususnya di antara tahun 1990 dan 1992, projek ini telah dapat menjimatkan keperluan tenaga manusia bagi perkhidmatan tersebut sebanyak 30 peratus dari jumlah bilangan pekerja yang diperlukan dalam tahun 1990 yang mana seterusnya membawa kepada penjimatan perbelanjaan kerajaan sebanyak 44 peratus dari jumlah perbelanjaan yang digunakan dalam tahun 1990.

ANUGERAH GANGSA 1993

MENINGKATKAN PENCAPAIAN JABATAN SERTA MENGURANGKAN KESESAKAN PELABUHAN Jabatan Pelabuhan Kementerian Perhubungan

Projek ini adalah merupakan gabungan strategi utama Jabatan Pelabuhan untuk ke arah peningkatan prestasi, kualiti dan produktiviti perkhidmatannya yang mana ianya memainkan peranan penting dalam peningkatan hasil pendapatan Jabatan tersebut.

Projek ini memberikan penekanan ke arah proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan kemudahan/alat kelengkapan/sumber dan masa, yang mana kesannya dapat dilihat dari segi peningkatan hasil pendapatan. Secara khusus, pelaksanaan projek ini menjurus kearah memudahkan dan mempercepatkan proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan pelanggan tanpa melibatkan perubahan keatas peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada, dan tanpa menyebabkan kenaikan kos perkhidmatan kepada Jabatan berkenaan.

Sektor swasta adalah merupakan pelanggan/penerima perkhidmatan yang utama bagi Jabatan tersebut. Dalam konteks peningkatan mutu perkhidmatan, kepuasan hati pelanggan adalah juga merupakan faktor penting yang diberikan perhatian dalam projek ini.

Pengurusan masa, penyediaan serta penyampaian perkhidmatan yang bermutu, dan peningkatan hasil pendapatan adalah merupakan tumpuan utama projek ini. Diantara hasil dan faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini, termasuklah:

- Jumlah barangan yang dikendalikan oleh Jabatan berkenaan semakin meningkat iaitu samada dari segi berat, muatan, banyaknya atau isu padu;
- Masa yang digunakan bagi penyampaian perkhidmatan tertentu yang ditumpukan dalam projek ini dapat dipercepatkan; dan
- Hasil pendapatan Jabatan berkenaan semakin meningkat dari setahun kesetahun.

Salah satu tujuan utama usaha-usaha pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam ialah untuk meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam konteks ini, Jabatan tersebut iaitu melalui projek ini, sedikit sebanyak telah menyumbangkan kearah pencapaian matlamat tersebut.

ANUGERAH EMAS 1994

TAKAT TIRUAN (“ARTIFICIAL REEFS”) Jabatan Perikanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Projek ini diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan sebagai usaha untuk mengembangmajukan industri perikanan di Negara ini.

Matlamat projek ini bukan sahaja kearah meningkatkan hasil dan produktiviti bagi sumber perikanan tetapi juga dihasratkan untuk menyediakan kemudahan untuk pihak-pihak berkenaan bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan serta membantu mengembangmajukan industri perikanan di negara ini.

Disamping menggunakan peralatan moden yang serba canggih, pelaksanaan projek ini juga memerlukan tenaga pekerja yang berpengalaman dan mahir dalam bidang masing-masing serta mempunyai sifat-sifat dedikasi dan semangat kerja secara berkumpulan (teamwork) yang tinggi.

Keberkesanan projek ini dapat dilihat melalui implikasi positifnya yang ketara dan yang tidak ketara. Di antara beberapa kesan ketara yang dikenalpasti ialah:

- Meningkatkan hasil pendapatan kumpulan yang menjadi sasaran pada tahap yang sangat memuaskan;
- Meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi sumber yang dimaksudkan dimana melalui satu kajian yang dibuat telah menunjukkan bahawa kawasan projek ini sentiasa mempunyai kepadatan sumber berkenaan pada tahap yang tinggi;

- Mengembangmajukan kegiatan ekonomi dan sosial melalui kejayaannya menarik minat pelancong-pelancong ke negara ini yang seterusnya memajukan industri 'eco-tourism' di Negara Brunei Darussalam;
- Menjimatkan perbelanjaan pihak yang terlibat

Manakala kesan tidak ketara melalui perlaksanaan projek ini ialah dari sudut keupayaannya dalam menjadikan bahan yang tidak berguna kepada suatu penggunaan yang lebih berfaedah dan produktif serta sumbangannya kepada negara dalam membantu memastikan kebersihan alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

ANUGERAH PERAK 1994

PENGELUARAN GERAN TANAH SECARA BERKOMPUTER Jabatan Tanah Kementerian Pembangunan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada bulan Jun tahun 1992. Pelaksanaan projek ini adalah terbit daripada kesedaran Jabatan Tanah untuk bergerak sejajar dengan perkembangan dan perubahan persekitaran yang kian pesat.

Fokus utama projek ini ialah keupayaan sumber tenaga manusia untuk memanfaatkan teknologi yang terkini dan canggih bagi menghasilkan pengeluaran geran tanah yang berkualiti tinggi dengan lebih cekap dan kos efektif.

Sebagai sebuah Jabatan yang sering menjadi tumpuan orang ramai, kepuasan hati pelanggan juga dititikberatkan dalam melaksanakan projek ini. Disamping itu, kehendak dan keperluan pihak yang tertentu disektor swasta juga diambilkira dalam proses perancangan bagi mengungkapahkan projek ini.

Perlaksanaan projek ini ternyata telah dapat mempercepatkan proses berkenaan dalam mana orang ramai yang berurusan dengan Jabatan ini dapat menerima perkhidmatan yang diperlukan dalam jangkamasa yang singkat sejajar dengan keperluan rancangan mereka. Tambahan kepada itu, kualiti perkhidmatan dan pengeluaran dapat dipertingkatkan ke suatu tahap yang sungguh memuaskan bukan sahaja dari segi ketepatan (accuracy) dan kualiti keterangan yang tersimpan, malahan juga dari segi keselamatan pengeluaran yang dihasilkan oleh Jabatan berkenaan.

Projek yang dilaksanakan ini juga dapat menghasilkan pengurusan maklumat yang cekap dan berkesan di mana data-data dapat dikumpul, diproses, disimpan, dikemaskini dan didapatkan semula bagi kegunaan penganalisan dan membuat keputusan. Dalam masa yang sama, penjimatan masa juga dapat dicapai dalam kerja-kerja memproses dan menyediakan pengeluaran yang dihasilkan. Selain daripada itu, projek ini boleh memberikan sumbangan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kearah penjimatan kewangan dan tenaga manusia dalam jangkamasa panjang.

ANUGERAH GANGSA 1994

KEBERKESANAN MENDAPATKAN MAKLUMAT PENGAUDITAN MELALUI ACL Jabatan Audit Jabatan Perdana Menteri

Projek ini diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada bulan Julai tahun 1993. Pelaksanaan projek ini adalah satu usaha untuk meningkatkan keupayaan Jabatan Audit dalam menghadapi perkembangan aktiviti dalam Perkhidmatan Awam yang kian dinamik dan 'complex'.

Matlamat projek ini ialah ke arah memastikan keberkesanan, kecekapan dan kesempurnaan pelaksanaan kerja-kerja tertentu oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkenaan.

Dalam hubungan ini, perkembangan teknologi yang memperkenalkan pelbagai peralatan moden telah dimanfaatkan dalam melaksanakan projek ini. Melalui inovasi yang berkesan yang digabungkan dengan kreativiti dan kemahiran sumber tenaga manusia di Jabatan tersebut, kaedah yang sedia wujud telah dapat diubahsuai dan diselaraskan sejajar dengan kehendak dan keperluan Jabatan demi untuk mencapai keberkesanan dan kecekapan yang optima.

Salah satu daripada kesan positif yang dicapai melalui pelaksanaan projek ini ialah pengurangan kos yang terlibat dalam mengendalikan tugas-tugas yang dijalankan di Jabatan tersebut iaitu sebanyak 84 peratus. Disamping itu, proses yang tertentu juga telah dapat dipercepatkan melalui kaedah yang baru diperkenalkan itu.

Masalah yang timbul dalam urusan mengendalikan data-data dan maklumat-maklumat tertentu yang sebelum ini kurang teratur dan memakan masa telah dapat diatasi melalui pelaksanaan projek ini. Pada masa ini data-data dan maklumat-maklumat tersebut dapat dikendalikan dengan berkesan dimana ianya bukan sahaja dapat dirujuk dengan mudah dan cepat mengikut keperluan, malahan juga dapat disimpan dengan lebih rapi dan sempurna.

Selain daripada itu, keupayaan Jabatan Audit dalam melaksanakan kerja-kerja penganalisan juga dapat dipertingkatkan. Keterangan yang diperlukan adalah lebih kemaskini, teratur dan tepat yang membolehkan tugas-tugas tertentu dijalankan dengan lebih teliti dan berkesan.

ANUGERAH EMAS 1995

KERJA DUA SYIF Jawatankuasa Pelaksanaan Kerja Dua Syif Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan Kementerian Perhubungan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada 14 November 1994. Inisiatif bagi melaksanakan projek ini adalah merupakan salah satu usaha Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan untuk meningkatkan lagi produktiviti, kualiti dan efisiensi Jabatan kearah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Sebagai sebuah Jabatan yang menyedari akan persekitaran yang penuh persaingan, kehendak pelanggan adalah sangat-sangat diutamakan dengan memberikan perkhidmatan yang cekap, cepat, tepat dan kos-efektif. Perkhidmatan sedemikian akan meningkatkan lagi kepercayaan dan kepuasan hati para pelanggan disamping dapat menarik lebih banyak lagi pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Sasaran utama projek ini ditumpukan kearah penjimatan masa dan penggunaan sumber secara optima dan bagi menjimatkan kos bukan sahaja kepada Jabatan Pelabuhan tetapi juga pada pelanggannya.

Beberapa kesan positif telah dapat diperolehi melalui pelaksanaan projek ini yangmana diantaranya ialah:

- Menjimatkan perbelanjaan kerja lebih masa sebanyak \$16,000.00;
- Menjimatkan kos operasi kapal sebanyak \$4,000.00 setiap persinggahan;

- Menjimatkan masa berurusan bagi para pelanggan; dan
- Meningkatkan tahap kesejahteraan kakitangan Jabatan tersebut.

Kejayaan Jabatan tersebut dalam melaksanakan projek ini menunjukkan terdapatnya kerjasama dan kemufakatan dikalangan jabatan-jabatan yang terlibat bagi mencapai matlamat yang sama-sama dihasratkan.

Selain dari itu, pelaksanaan projek ini akan dapat membantu menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat perdagangan dan perhubungan dan bertepatan dengan suasana perkembangan serantau lebih-lebih lagi kearah pencapaian matlamat Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA).

ANUGERAH PERAK 1995

PUSAT PELBAGAI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN Unit pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam bulan April 1994. Inisiatif kearah pelaksanaan projek ini adalah merupakan rancangan jangka masa panjang bagi menghadapi suasana persaingan yang kian meningkat sejajar dengan matlamat dan wawasan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Fokus utama projek ini ditumpukan kearah mewujudkan perkhidmatan yang cekap, produktif, berkualiti dan boleh memenuhi keperluan pelanggan melalui penyediaan pelbagai perkhidmatan pembayaran. Projek ini hanyalah menumpukan perhatian kepada jenis-jenis perkhidmatan yang ada sekarang iaitu:

- Perkhidmatan pembayaran bil telefon
- Perkhidmatan pembaharuan Lesen Memandu Kelas I dan III
- Perkhidmatan pembayaran cukai Jalan Raya

Beberapa kesan positif telah dapat dicapai melalui pelaksanaan projek ini yang mana diantaranya ialah:

- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan;
- Meningkatkan lagi kecekapan, produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan sebanyak 17 peratus;

- Meningkatkan hasil kutipan pendapatan Kerajaan daripada \$11,203,868.30 (tahun 1993) kepada \$25,702,198.18 (tahun 1994); dan
- Memudahkan dan menjimatkan masa orang ramai dalam menyelesaikan urusan-urusan berkenaan.

Rancangan masa panjang Jabatan Perkhidmatan Pos ialah untuk memperluaskan lagi bidang skop projek untuk meliputi pelbagai jenis perkhidmatan yang lain bagi menuju wawasan Jabatan sebagai sebuah Pusat Perniagaan dan Informasi.

ANUGERAH GANGSA 1995

KOMPUTER DAN PENGELUARAN PASPOT JENIS 'MACHINE READABLE PASSPORT (MRP)': PERSEDIAAN MENGHADAPI CABARAN-CABARAN ABAD KE 21

**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan,
Usahasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
dan Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Kewangan**

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat pada awal bulan Ogos tahun 1993. Diantara faktor utama yang mendorong kearah pelaksanaan projek ini ialah keperluan untuk menyediakan perkhidmatan dan hasil kerja yang bermutu dan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Melalui inisiatif pengeluaran paspot berkenaan, projek ini dapat mewujudkan sistem maklumat yang bukan sahaja kearah kawalan pengesanan yang efektif tetapi juga penggunaan sumber tenaga manusia secara optima.

Pelaksanaan projek ini bukan sahaja dapat memberikan kesan positif kepada pengurusan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tetapi juga dapat menangani tuntutan-tuntutan tertentu mengikut perkembangan semasa. Diantara faedah-faedah yang diperolehi termasuklah:

- Penggunaan sumber utama secara berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif Jabatan;
- Meningkatkan produktiviti dan prestasi Jabatan melalui kecepatan dan keberkesanan proses kerja dan perkhidmatan yang berkualiti;
- Memberikan jaminan tentang keselamatan, ketepatan dan kesahihan maklumat; dan

- Menjimatkan perbelanjaan bagi operasi kerja khususnya dalam jangkamasa panjang.

Kejayaan yang dicapai melalui projek ini mendorong dan memperkuat lagi azam pihak pengurusan Jabatan tersebut untuk memperluaskan skop projek bagi meliputi sistem rangkaian komputer yang membolehkan jabatan-jabatan berkaitan untuk berkongsi maklumat bagi membantu mempercepatkan proses kerja yang berhubungkait diantara jabatan-jabatan berkenaan.

ANUGERAH PERAK 1996

MENINGKATKAN KEMAJUAN INDUSTRI AYAM PEDAGING Bahagian Ternakan, Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian Sumber-sumber Utama

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1995 bagi menepati rancangan kemajuan ekonomi dan keperluan negara. Pelaksanaan projek ini adalah merupakan salah satu usaha Jabatan Pertanian untuk kearah pencapaian tahap perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti melalui peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan tersebut.

Pencapaian projek ini dipertingkatkan melalui pembentukan strategi-strategi berikut:

- Sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap;
- Peningkatan komitmen diantara pihak-pihak berkenaan;
- Penyediaan infrastruktur tertentu menurut keperluan;
- Penambahbaikan teknologi dan sistem-sistem tertentu;
- Peningkatan kemahiran pihak-pihak yang terlibat;
- Proses pengawalan yang tertentu; dan
- Perancangan komprehensif yang meliputi sektor-sektor penghasilan, pemprosesan dan pemasarannya.

Matlamat utama projek ialah bagi mewujudkan satu sistem penghasilan komoditi ayam pedaging yang bersepadu serta berdaya kekal (sustainable) bagi menghasilkan 13.3 juta ekor ayam setahun iaitu untuk menampung 100 peratus keperluan Negara.

Pelaksanaan projek ini adalah juga selaras dengan dasar Kerajaan kearah mempelbagaikan ekonomi negara dan memperkembangkan sektor swasta. Matlamat jangka masa panjang ialah kearah mewujudkan satu sistem penghasilan komoditi tertentu yang bersepadu serta berdaya kekal. Diantara beberapa kesan positif yang dikenalpasti termasuklah :

- Peningkatan hasil tahunan sebanyak 315 peratus;
- Peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti penghasilan;
- Perkembangan sektor-sektor penghasilan, pemprosesan dan pemasaran komoditi berkenaan; dan,
- Penambahan bilangan ladang sebanyak 69 buah telah menyediakan peluang pekerjaan bagi sebanyak 207 orang.

ANUGERAH GANGSA 1996

PENSWASTAAN PEMASANGAN METER-METER AIR Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1995 atas inisiatif Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya kearah menangani keperluan pelanggan dan bagi meningkatkan lagi keberkesanan organisasi.

Matlamat pelaksanaan Projek ini ialah kearah peningkatan kepuasan hati pelanggan, penjimatan perbelanjaan kerajaan dan peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Projek ini memberikan penekanan kepada sistem pentadbiran dan pengurusan masa, pengurusan tenaga manusia dan pengurusan kerja dan kearah proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan bagi pemasangan meter-meter air, iaitu melalui penswastaan. Selaras dengan hasrat negara untuk memperkembangkan sektor swasta, projek ini juga secara langsung akan dapat membantu kearah pencapaian matlamat tersebut melalui penglibatan sektor swasta yang mana biasanya disediakan oleh sektor awam.

Beberapa kesan positif telah dapat dikenalpasti melalui pelaksanaan Projek ini, yangmana diantaranya termasuklah :

- Peningkatan kepuasan hati pelanggan;
- Penjimatan perbelanjaan kerajaan dari segi membekalkan barang-barang kegunaan pemasangan meter air;
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan Jabatan tersebut;

- Peningkatan produktiviti dan kualiti kerja;
- Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan; dan
- Penambahan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor berkenaan dimana semua pemborong yang terlibat ialah pemborong Bumiputera.

ANUGERAH EMAS 1997
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

**MEKANISMA YANG INOVATIF DALAM MENINGKATKAN HASIL DAN
KEUNTUNGAN INDUSTRI PEMELIHARAAN IKAN DAN UDANG**
Jabatan Perikanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1995 atas inisiatif Jabatan Perikanan bagi mendokong dasar mempelbagaikan ekonomi negara, yangmana objektifnya ialah untuk meningkatkan produktiviti, hasil pendapatan dan kualiti pengeluaran industri perikanan. Disamping itu juga, projek ini adalah merupakan salah satu strategi utama kearah peningkatan prestasi dan mutu perkhidmatan Jabatan Perikanan.

Dari segi peningkatan mutu perkhidmatan, projek ini memberikan penekanan terhadap pengurusan industri perikanan, iaitu dengan memberikan perhatian kepada aspek-aspek pengurusan projek berikut :

- Perancangan strategik;
- Perlaksanaan;
- Pemantauan; dan
- Pemasaran.

Dalam konteks perlaksanaan projek ini, sektor swasta adalah merupakan pelanggan/penerima perkhidmatan yang utama bagi Jabatan Perikanan, dinmana peningkatan mutu perkhidmatan adalah faktor penting yang diberikan perhatian.

Peranan dan kesan projek ini kearah perkembangan ekonomi dan kemajuan negara adalah sangat besar dan bermanfaat. Seajar dengan

tujuan projek ini dilaksanakan, beberapa kesan positif telah dapat dikenalpasti yangmana diantaranya termasuklah :

- Memudahcara perkembangan sektor swasta;
- Mewujudkan peluang-peluang perniagaan;
- Menyediakan peluang pekerjaan;
- Menarik pelaburan asing;
- Menyediakan peluang-peluang pasaran;
- Meningkatkan hasil dan pendapatan misalnya, iaitu dari 4.54 tan metric(\$67,500) pada tahun 1994 kepada 10.4 tan metric (\$156,000) pada tahun 1995 dan 26.6 tan metric(\$399,000) pada tahun 1996.

ANUGERAH PERAK 1997
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

SISTEM PERKHIDMATAN BAS AWAM DAERAH BRUNEI DAN MUARA
Jabatan Pengangkutan Darat
Kementerian Perhubungan

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1995. Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Darat kearah menangani keperluan orang ramai dan kehendak kemajuan sosio-ekonomi. Projek ini juga merupakan usaha kearah meningkatkan lagi prestasi, kualiti perkhidmatan, kecekapan dan keberkesanan Jabatan tersebut.

Projek ini memberikan penekanan kepada proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam, iaitu yang berkaitan dengan penyediaan prasarana berkenaan secara bersistematik.

Perlaksanaan projek ini juga mencerminkan peningkatan keupayaan pihak pentadbiran dan pengurusan Jabatan tersebut dalam mendapatkan perhatian dan kerjasama pihak sektor swasta bagi sama-sama berganding bahu kearah menjayakan perlaksanaannya. Ini adalah selaras dengan dasar negara ke arah mempelbagaikan ekonomi, khususnya dalam memperkembangkan sektor swasta.

Sistem yang diketengahkan dalam projek ini berupaya menggalakkan persaingan dikalangan sektor swasta, yangmana dengan sendirinya akan meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan berkenaan. Disamping itu, terdapat juga beberapa kesan positif yang diperolehi daripada perlaksanaan projek ini, yangmana termasuklah:

- Meningkatkan kepuasan hati pengguna iaitu peningkatan jumlah penumpang perkhidmatan bas awam sebanyak 300 peratus daripada 154,499 orang (Ogos 1996) kepada 441,368 orang (April 1997);
- Memudahkan pergerakan (mobility) orang ramai;
- Menyediakan peluang-peluang pelaburan dan pekerjaan; dan
- Menyediakan perkhidmatan yang bersistematik, tepat, teratur dan selamat.

**ANUGERAH GANGSA 1997
(KATEGORI KEWANGAN)**

**MENINGKATKAN PENGHASILAN, PRODUKTIVITI DAN KUALITI
INDUSTRI SAYUR DI DALAM NEGERI
Jabatan Pertanian,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

Projek ini mula diperkenalkan pada tahun 1994 dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1995. Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha Jabatan Pertanian untuk memenuhi kehendak Rancangan Kemajuan Negara.

Peningkatan hasil dan kualiti bagi industri berkenaan adalah merupakan objektif Projek ini. Peningkatan kemahiran sumber tenaga manusia dalam Jabatan berkenaan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan inisiatif ini disamping penyediaan prasarana tertentu.

Disamping meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan Jabatan berkenaan kearah pencapaian tahap perkhidmatan yang cemerlang. Projek ini juga menumpukan perhatian kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem pengawasan dan kawalan mutu, yangmana berkaitan dengan perancangan dan pengurusan hasil pengeluaran komoditi berkenaan. Keperluan ini adalah sejajar dengan konsep pengurusan yang diketengahkan bagi melaksanakan projek berkenaan, iaitu dengan memberikan perhatian kepada aspek-aspek pengurusan seperti berikut:

- Perancangan;
- Perlaksanaan;
- Pengawasan; dan

- Penilaian semula.

Beberapa pencapaian telah dapat dikenalpasti melalui pelaksanaan projek ini yang mana diantaranya termasuklah :

- Peningkatan hasil pengeluaran sebanyak \$15.6 juta bagi tempoh 1995 hingga 1996;
- Peningkatan kualiti pengeluaran sebanyak 24 peratus iaitu 1,154 mt.;
- Pengurangan import bagi komoditi berkenaan sebanyak 11 peratus;
- Peningkatan kualiti sumber tenaga manusia; dan
- Penyediaan peluang pekerjaan.

ANUGERAH EMAS 1998

PROSEDUR PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI Jabatan Urusan Haji Kementerian Hal Ehwal Ugama

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1996 atas inisiatif Jabatan Urusan Haji kearah meningkatkan kepuasan hati orang ramai, iaitu disamping peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan organisasi.

Fokus utama projek ini ditumpukan kearah mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cekap, produktif, berkualiti dan berupaya memenuhi kehendak orang ramai, iaitu melalui prosedur pendaftaran menunaikan fardhu haji.

Prosedur yang diketengahkan dalam projek ini telah mempamerkan beberapa ciri dan penemuan yang dapat dijadikan sebagai asas atau justifikasi bahawa prosedur berkenaan hampir memenuhi kehendak-kehendak ISO 9001, yangmana ianya banyak memberikan perhatian kepada prestasi, produktiviti dan kualiti.

Kunci kejayaan projek ini terbit dari kerjasama dan komitmen Jabatan-jabatan berkenaan yang sama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi mutu dan keberkesanan perkhidmatan masing-masing kepada orang ramai.

Selaras dengan tujuan projek ini dilaksanakan, beberapa faedah dan kesan positif telah dapat dikenalpasti, yangmana diantaranya termasuklah:

- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan organisasi;

- Peningkatan kepuasan hati orang ramai;
- Peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti;
- Peningkatan hasil Jabatan iaitu sebanyak \$0.85 setiap keping borang;
- Penjimatan perbelanjaan; dan
- Penjimatan masa dan tenaga.

ANUGERAH PERAK 1998
BERUSAHA KEARAH KECEMERLANGAN
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan

Projek ini telah diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1997. Inisiatif ini adalah merupakan usaha Jabatan Ukur ke arah meningkatkan lagi prestasi, kualiti perkhidmatan, kecekapan dan keberkesanan organisasi.

Inisiatif ini juga adalah merupakan tugas dan tanggungjawab Jabatan tersebut ke arah menangani kehendak dan keperluan orang ramai, pelanggan serta kemajuan sosio-ekonomi.

Matlamat projek ini adalah selaras dengan hasrat Jabatan tersebut, iaitu untuk memberikan perkhidmatan yang berasaskan kepada konsep pengurusan kualiti menyeluruh melalui penyediaan dan pemeliharaan sistem dan maklumat berkenaan bagi kemudahan perancangan dan perkembangan kerja.

Selaras dengan matlamatnya, projek ini memberikan tumpuan kepada penambahbaikan secara berterusan melalui prosedur dan penggunaan model perancangan kerja yangmana ianya dimaksudkan untuk mewujudkan keyakinan dan kepuasan hati pelanggan, serta bagi meningkatkan daya saing. Model yang diketengahkan dalam projek ini mencerminkan adanya peningkatan keupayaan dan kemampuan pihak pentadbiran dan pengurusan Jabatan tersebut. Keupayaan dan kemampuan ini lebih ketara, iaitu dengan adanya pengiktirafan antarabangsa yang telah diterima oleh Jabatan berkenaan pada tahun 1997.

Di samping meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan tersebut, terdapat juga beberapa kesan positif atau faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini, yangmana diantaranya termasuklah:

- Peningkatan akauntabiliti pegawai/kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab;
- Pengurusan kerja yang lebih bersistematik;
- Penambahbaikan tatacara bekerja; dan
- Penyediaan perkhidmatan yang lebih teratur.

ANUGERAH GANGSA 1998

PROGRAM QAQC BAGI INDUSTRI PENGHASILAN TELUR Jabatan Pertanian Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

Projek ini diperkenalkan pada tahun 1996 dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1997. Inisiatif ini adalah merupakan manifestasi fungsi dan sebahagian daripada usaha Jabatan Pertanian untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan serta orang ramai.

Peningkatan hasil dan kualiti industri berkenaan adalah merupakan matlamat utama projek ini, yangmana ianya menjurus kepada pencapaian wawasan saradiri dalam industri pengeluaran telur.

Ke arah pencapaian tahap perkhidmatan yang cemerlang, projek ini memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem pengawasan dan kawalan mutu yang berkaitan dengan hasil pengeluaran komoditi berkenaan. Keperluan ini adalah selaras dengan konsep pengurusan yang diketengahkan, yangmana menumpukan perhatian kepada aspek-aspek berikut :

- Perancangan;
- Perlaksanaan;
- Pengawalan; dan
- Penilaian semula.

Di antara beberapa faedah yang diperolehi daripada perlaksanaan projek ini termasuklah :

- Peningkatan hasil pengeluaran telur sebanyak 30 peratus (dari 180 biji ke 244 biji bagi seekor dalam setahun) atau tambahan 15.9 juta biji telur yang bernilai kira-kira \$2.9 juta;
- Peningkatan kualiti pengeluaran;
- Peningkatan kualiti kehidupan;
- Pengurangan import bagi komoditi telur; dan
- Penjimatan kos penghasilan.

ANUGERAH EMAS 2000
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

**PENCAPAIAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI PENCERAMAH TEMPATAN
DALAM PENYEBARAN DAKWAH
Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1999 atas inisiatif Pusat Da'wah Islamiah untuk memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan serta orang ramai.

Inisiatif bagi mengungkapkahkan projek ini juga adalah merupakan salah satu usaha Jabatan tersebut untuk meningkatkan lagi prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Jabatan berkenaan kearah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Sasaran utama projek ini ditumpukan kearah penjimatan kos perbelanjaan dan penggunaan sumber penceramah tempatan secara optima.

Kunci kejayaan perlaksanaan projek ini ialah kerjasama dan komitmen pihak-pihak berkenaan kearah meningkatkan lagi kecekapan sumber tenaga kerja dan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan/orang ramai.

Selaras dengan matlamatnya, beberapa kesan positif atau faedah telah dapat diperolehi melalui perlaksanaan projek ini yangmana diantaranya termasuklah:

- Peningkatan kualiti dan produktiviti iaitu peningkatan tahap produktiviti sebanyak 88.25 peratus berdasarkan kepada

permohonan ceramah yang diperolehi oleh Pusat Da'wah Islamiah bagi tempoh 4 tahun terakhir.

- Penjimatan kos dari segi mendatangkan penceramah undangan luar negeri iaitu menurunkan kos perbelanjaan sehingga 35 peratus dan menurunkannya ketahap 59 peratus pada tahun 1999 sebelum mencapai 100 peratus pada tahun 2000.
- Peningkatan kepuasan hati pelanggan sepertimana hasil soal selidik yang telah dilakukan pada Jun 1999 mendapati 90 peratus pelanggan berpuashati dengan pencapaian dan isi ceramah yang disampaikan oleh penceramah tempatan.
- Peningkatan kualiti sumber tenaga manusia tempatan.

ANUGERAH PERAK 2000
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

MANUAL PROSEDUR KERJA
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri

Projek ini telah mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1999 atas inisiatif Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri bagi memenuhi keperluan semasa.

Inisiatif bagi melaksanakan projek ini adalah merupakan salah satu usaha Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan lagi keberkesanan, produktiviti, kualiti dan efisiensi Jabatan secara keseluruhannya kearah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Projek ini diungkayahkan bagi membantu dan memudahkan pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan tugas dengan penuh yakin berpandukan kerja yang betul dan teratur, iaitu sepertimana yang telah digariskan dalam dokumen Manual Prosedur Kerja.

Perlaksanaan projek ini di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam adalah merupakan tindakan susulan Jabatan ini yangmana konsep tersebut telahpun disebarluaskan dalam Perkhidmatan Awam.

Beberapa kesan positif atau faedah telah dapat diperolehi melalui perlaksanaan projek ini yangmana diantaranya ialah:

- Penjimatan masa dan tenaga
- Peningkatan mutu perkhidmatan

- Peningkatan kepuasan hati pelanggan
- Peningkatan tahap pengurusan kerja kakitangan Jabatan berkenaan.

ANUGERAH GANGSA 2000
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

“QSAR” PENGURUSAN BERKUALITI BERTAHAPKAN “I.S.O”
Jabatan Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Projek ini telah diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1998.

Inisiatif ini adalah merupakan usaha Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya ke arah meningkatkan lagi prestasi, kualiti perkhidmatan, kecekapan serta keberkesanan organisasi dan untuk memberikan perkhidmatan yang berasaskan kepada konsep pengurusan berkualiti.

Selaras dengan matlamatnya, projek ini memberikan tumpuan kepada memberi khidmat, melaksana dan menghasilkan projek yang berkualiti, yang mana berasaskan kepada Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001. Keupayaan dan kemampuan ini lebih ketara, iaitu dengan adanya pengiktirafan antabangsa ISO yang telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya pada tahun 1998.

Di antara beberapa kesan positif atau faedah yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini termasuklah:

- Pengurusan kerja yang lebih bersistematik;
- Penambahbaikan tatacara bekerja;
- Penyediaan perkhidmatan yang teratur;
- Peningkatan hasil dan pencapaian;

- Penjimatan perbelanjaan; dan
- Penjimatan masa serta tenaga

**ANUGERAH EMAS 2000
(KATEGORI KEWANGAN)**

**UDANG ROSTRIS LITOPENAEUS STYLIROSTRIS: SATU PENEMUAN
(BREAKTHROUGH) “TRANSFORMING” PEMELIHARAAN UDANG DI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEBAGAI INDUSTRI “EXPORT
ORIENTED”**

**Jabatan Perikanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

Projek ini mula diperkenalkan dalam awal bulan Mei 1999. Projek ini telah dirancang dan dilaksanakan atas inisiatif Jabatan Perikanan untuk meningkatkan hasil pengeluaran tempatan dan pendapatan Negara serta meningkatkan lagi prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Jabatan tersebut ke arah mendokong aspirasi Negara dan dasar mempelbagaikan ekonomi negara.

Projek ini memberikan tumpuan kepada peningkatan penghasilan dalam industri udang, yangmana salah satu objektif perlaksanaannya ialah untuk menjadikan industri bagi komoditi udang sebagai industri yang berbentuk “*export-oriented*”. Projek ini juga berpotensi untuk menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negeri dan sekaligus mendokong dasar memperkembangkan sektor swasta di Negara ini.

Untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan dan juga penghasilan projek ini, Jabatan Perikanan telahpun membuat rancangan atau tindakan lanjutan yang melibatkan perkembangan teknologi-teknologi yang berkaitan.

Beberapa implikasi, kesan positif dan juga faedah telah dapat diperolehi melalui pelaksanaan projek ini yangmana diantaranya termasuklah:

- Peningkatan permintaan pasaran eksport bagi komoditi udang;

- Penghasilan komoditi udang yang berkualiti tinggi;
- Berpotensi untuk menarik pelaburan dalam dan luar negeri;
- Menjadikan industri berkenaan lebih kompetitif;
- Perkembangan sektor swasta;
- Penyediaan peluang-peluang pekerjaan;
- Perkembangan sumber manusia;
- Peningkatan kualiti dan produktiviti; dan
- Peningkatan kepuasan hati pelanggan

**ANUGERAH PERAK 2000
(KATEGORI KEWANGAN)**

**SISTEM METER ELEKTRIK PREPAYMENT
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Kementerian Pembangunan**

Projek ini telah diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 1998 atas inisiatif Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menambahkan lagi hasil pendapatan dan juga meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan/orang awam.

Selaras dengan objektif perlaksanaannya, peningkatan kecekapan dan keberkesanan dalam pentadbiran dan pengurusan komoditi berkenaan adalah merupakan aspek fundamental yang diberikan tumpuan utama dalam projek ini.

Dengan mengambilkira perkembangan teknologi dan juga kehendak persekitaran semasa, Jabatan tersebut juga telah mengenalpasti dan seterusnya mengembangluaskan sistem meter elektrik *prepayment*, yang mana ianya adalah merupakan sebahagian daripada strategi Jabatan Perkhidmatan Elektrik kearah menempuh alaf baru yang serba mencabar ini.

Melalui projek dan sistem tersebut, Jabatan Perkhidmatan Elektrik berupaya meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanannya dalam mengendalikan perkhidmatan pelanggan dan kutipan hasilnya. Data-data yang telah diperolehi jelas menggambarkan keberkesanan dan juga hasil pencapaiannya yang positif.

Sepertimana juga yang telah digariskan dalam objektif perlaksanaannya, beberapa implikasi, kesan positif dan juga faedahnya telah di kenalpasti yang mana diantaranya termasuklah:

- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan berkeajaan;
- Peningkatan hasil pendapatan iaitu dianggarkan kutipan hasil akan meningkat sebanyak 200 peratus pada tahun 2001 dan pada tahun 2002;
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi;
- Penjimatan penggunaan sumber-sumber berkeajaan;
- Penjimatan perbelanjaan Jabatan berkeajaan iaitu sistem ini tidak memerlukan khidmat pembaca meter;
- Penambahbaikan sistem-sistem, proses dan prosedur berkeajaan; dan
- Perkembangan sektor swasta

**ANUGERAH GANGSA 2000
(KATEGORI KEWANGAN)**

**PEMBINAAN/PEMASANGAN RANGKAIAN KOMPUTER (COMPUTER
NETWORK)
Institut Teknologi Brunei
Kementerian Pendidikan**

Projek ini telah dilaksanakan dalam awal tahun 1998 atas inisiatif Institut Teknologi Brunei untuk memenuhi keperluan Bahagian-bahagian yang ada didalamnya dan juga kehendak pihak pengurusannya.

Matlamat utama bagi pelaksanaan projek ini ialah untuk membentuk rangkaian perkhidmatan yang menjurus ke arah peningkatan komitmen pihak-pihak tertentu dan juga pengwujudan integrasi sistem rangkaian komputer di Institut tersebut. Sekaligus, ianya dimaksudkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Institut berkenaan.

Selaras dengan matlamat pelaksanaannya, projek ini memberikan tumpuan kepada penyediaan rangkaian perkhidmatan dan kemudahan yang berhubungkait dengan pengurusan maklumat. Rangkaian perkhidmatan ini sangat berguna dan amat berfaedah kepada pihak-pihak pengurusan dan pentadbiran Institut berkenaan serta pengguna/pelanggan yang ada didalamnya.

Dengan menggunakan sumber-sumber tertentu yang terhad, Institut berkenaan berkeupayaan dan berkemampuan untuk merancang dan merealisasikan pelaksanaan projek ini dengan baik dan teratur menurut fasa-fasa dan standard-standard yang telah ditentukan dalam pengurusan projek berkenaan.

Melalui pelaksanaan projek ini, beberapa implikasi, kesan positif dan juga faedah telah dapat diperolehi yangmana diantaranya termasuklah:

- Penjimatan perbelanjaan sebanyak 52 peratus;
- Peningkatan keberkesanan kos;
- Peningkatan kemahiran dan kepakaran dalam bidang berkenaan;
- Peningkatan produktiviti dan kualiti;
- Peningkatan integrasi sistem-sistem di Institut berkenaan;
- Peningkatan kesedaran mengenai keperluan bagi teknologi berkenaan;
- Penyediaan bahan akademi yang berkualiti; dan
- Perkembangan teknologi berkenaan semakin meluas.

ANUGERAH EMAS 2002

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

PROGRAM PENINGKATAN PENJAGAAN KESIHATAN ASASI BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA Jabatan Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan

Projek ini mula diperkenalkan dalam tahun 1999 dan seterusnya dilaksanakan pada tahun 2000. Projek ini memberikan tumpuan kepada pengurusan perubahan ke atas struktur pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan kesihatan asasi, yangmana ianya selaras dengan Rancangan Kemajuan Negara. Melalui projek ini, beberapa Pusat Kesihatan telah dibentuk di beberapa kawasan dalam Daerah Brunei dan Muara.

Kajian yang telah dilaksanakan tertumpu kepada penduduk di Daerah Brunei dan Muara. Ini adalah disebabkan oleh perlunya tindakan untuk memindah perkhidmatan pesakit luar di Hospital RIPAS diambil dengan segera memandangkan bahagian tersebut mempunyai beban kerja yang besar.

Di antara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah:

- Sebilangan besar penduduk telah dapat menikmati hasil pelaksanaannya
- Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan perkhidmatan yang komprehensif
- Pewujudan "*community based care*" dan "*community doctor*" bagi rawatan kesihatan.

Pencapaian projek ini ialah :

- Peningkatan kualiti perkhidmatan, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan asasi sekaligus memberi fokus peranan Hospital RIPAS sebagai pusat kecemerlangan dan hospital rujukan ; dan
- Penyediaan perkhidmatan yang komprehensif, berkualiti tinggi dan berkesan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

ANUGERAH PERAK 2002

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

PERKHIDMATAN UJI BAHAN (MATERIAL TESTING SERVICES)

**Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Institut Teknologi Brunei,
Usahasama Kementerian Pendidikan dan
Kementerian Pembangunan**

Projek ini merupakan usahasama Kementerian Pendidikan melalui Institut Teknologi Brunei dan Kementerian Pembangunan. Ianya mula diperkenalkan dalam tahun 2000 dan seterusnya dilaksanakan pada tahun 2001.

Selaras dengan objektif pelaksanaannya, projek ini telah berupaya memperkenalkan “standard” atau piawaian bagi perkhidmatan uji bahan, yangmana kepastian kualiti atau “Quality Assurance” adalah satu keperluan. Bidang tumpuan projek ialah penyediaan Perkhidmatan Uji Bahan (*Material Testing Services*) kepada orang perseorangan, syarikat swasta dan jabatan-jabatan kerajaan dan mengeluarkan sijil serta keputusan ujian seperti ketetapan Kementerian Pembangunan.

Di antara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah:

- Pemberian perlindungan kepada pelanggan dan juga memastikan keselamatan orang ramai;
- Berpotensi bagi “commercialization” serta penswastaan; dan

- Negara Brunei Darussalam tidak lagi menjadi “dumping area” bagi bahan berkekaan.

ANUGERAH GANGSA 2002

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

MENINGKATKAN KUALITI DAN KUANTITI RUMAH BANTUAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH UNTUK KEBERKESANAN DA'WAH Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama

Projek ini telah diperkenalkan pada 9 September 1999 dan mula dilaksanakan pada Mac 2000. Inisiatif bagi mengunggayahkan projek ini adalah merupakan rancangan jangkamasa panjang Pusat Da'wah Islamiah ke arah memenuhi matlamat Jabatan dan juga sosio-ekonomi rakyat.

Bidang tumpuan projek ialah meningkatkan mutu perkhidmatan pemeliharaan saudara-saudara baru melalui penyediaan perlindungan yang menyeluruh dari segi rohani dan kehidupan sosial, peningkatan kuantiti rumah-rumah bantuan Pusat Da'wah Islamiah kepada saudara-saudara baru dan pembinaan rumah bantuan yang memenuhi syarat kualiti yang telah ditetapkan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Di antara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah:

- Peningkatan mutu perkhidmatan pelanggan;
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran bagi usaha berkenaan; dan
- Peningkatan kualiti kehidupan social komuniti berkenaan.

Pencapaian yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini ialah peningkatan kualiti hidup saudara-saudara baru yang sebelumnya daif dan memerlukan bantuan serta bimbingan, agar mereka hidup selesa dan berpeluang untuk menumpukan masa ke arah memperlengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keagamaan terutama sekali dalam pengukuhan akidah.

ANUGERAH EMAS 2002

(KATEGORI KEWANGAN)

**KEJAYAAN PENGHASILAN INDUK UDANG ROSTRIS
TEMPATAN/PENUBUHAN PUSAT PENGHASILAN INDUK
(ESTABLISHMENT OF BROODSTOCK DEVELOPMENT CENTRE)
Jabatan Perikanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama**

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada 17 Mei 2001.

Pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan dasar kerajaan kearah mempelbagaikan ekonomi negara dan sekaligus memperkembangkan sektor swasta. Projek ini merupakan strategi jangkamasa panjang kearah meningkatkan penghasilan komoditi udang Rostris yang bersepadu serta berdaya kekal melalui Penubuhan Pusat Penghasilan Induk bagi udang Rostris. Pemantauan secara dekat yang mempunyai mekanisma maklum-balas sentiasa diamalkan iaitu melalui Program dan Fokus Tahunan Jabatan Perikanan.

Percambahan fikiran dan mesyuarat kerap kali diadakan bagi memantau status semua projek yang mendokong industri udang. Dengan cara ini masalah yang berkemungkinan dihadapi oleh pengusaha-pengusaha dapat dikenalpasti dan pelan-tindakan segera dirumus sebelum berlakunya masalah berkenaan.

Diantara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah peningkatan pulangan kos berbanding dengan kos pengeluaran; penambahan keyakinan kepada pelabur serta pengusaha; dan, memastikan pertumbuhan bekalan induk yang konsisten. Di samping itu, ianya tidak melibatkan tambahan peruntukan

selain daripada peruntukan tahunan Jabatan Perikanan. Penghasilan Pusat Induk tersebut bagi setahun ialah \$92,997.00.

ANUGERAH PERAK 2002

(KATEGORI KEWANGAN)

SISTEM PENGUTIPAN TOL JAMBATAN RASAU Jabatan Jalan Raya & JKR Kuala Belait Jabatan Kerja Raya Kementerian Pembangunan

Projek ini mula diperkenalkan dalam bulan Januari 2000 dan seterusnya dilaksanakan pada 1hb April 2001.

Projek ini memberikan tumpuan kepada beberapa perkara seperti cadangan lokasi plaza Tol dan menyediakan tenaga manusia bagi menjalankan kutipan bagi sistem Tol.

Inisiatif bagi mengungkayahkan projek ini adalah selaras dengan matlamat jangka panjang Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya kearah memenuhi kehendak kemajuan Negara dan juga sosio-ekonomi rakyat. Peranan dan kesan projek ini kearah perkembangan ekonomi dan kemajuan Negara adalah sangat besar dan bermanfaat. Diantara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah:

- Peningkatan hasil pendapatan Negara;
- Pewujudan daya saing dengan pihak swasta; dan
- Penyediaan system pengurusan yang sistematik dan berkesan.

Pencapaian yang diperolehi dari projek ini dapat menambah hasil kutipan Negara.

**ANUGERAH GANGSA 2002
(KATEGORI KEWANGAN)**

**PROJEK PEMBAYARAN GAJI KAKITANGAN BERGAJI HARI SECARA
BERKOMPUTER DAN BAYARAN MELALUI BANK
Jabatan Pentadbiran & Kewangan
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan**

Projek ini adalah merupakan usahasama Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Lembaga Bandaran dan Jabatan Audit, yang mana ianya bermula sejak bulan Oktober 2001 secara berperingkat-peringkat dan dilaksanakan secara keseluruhan sehingga pembayaran gaji bulan Mei 2002.

Projek ini memberikan penekanan kepada usaha-usaha mengemaskinikan dan menambahbaiki lagi sistem pentadbiran, pengurusan tenaga manusia dan pengurusan kerja bagi proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan bergaji hari, iaitu ke arah pencapaian tahap perkhidmatan yang berkualiti.

Projek ini memberikan tumpuan khusus kepada tatacara pembayaran gaji hari iaitu untuk mengurangkan tempoh masa proses pembayaran gaji hari dengan mengambil berat tentang ciri-ciri keselamatan serta memberikan kesan-kesan positif kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Audit dan Pasukan Polis Di Raja Brunei. Diantara ciri fundamental dan signifikan yang dapat dikenalpasti setelah melaksanakannya termasuklah:

- Peningkatan kecekapan dalaman organisasi;
- Menggalakkan penjimatan; dan

- Pengurangan risiko pengendalian urusan berkenaan.

Pencapaian projek ialah seperti dapat mengurangkan tempoh masa proses kerja, penggunaan tenaga kerja, masa, perbelanjaan dan risiko yang dihadapi oleh Ketua Jabatan dan pekerja yang mengendalikan pembayaran gaji.

**ANUGERAH EMAS 2004
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)**

**MENTERTIBKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SUGAN (TAPIS)
KEARAH MEWUJUDKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM YANG BERSISTEM
DI DAERAH TUTONG
Kumpulan Al-Ahlaam, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Projek ini mula diperkenalkan pada 2 November 2002 dan seterusnya dilaksanakan pada 12 April 2003.

Projek ini memberikan penekanan kepada usaha pembaharuan, penambahbaikan dan pengemaskinian sistem pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan tanah perkuburan iaitu bagi mewujudkan perkhidmatan yang tersusun dan berkualiti.

Projek yang mempunyai sasaran masyarakat Islam di Negara ini mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai tanda aras ataupun 'benchmark' bagi inisiatif-inisiatif yang seumpamanya di masa-masa yang akan datang.

Projek ini menumpukan kepada pengukuhan fungsi dan peranan UTPI Daerah Tutong dan peningkatan kawalselia kegiatan penambakan, pengenalan dan penomboran ke atas batu-batu nisan yang terdapat di TAPIS. Keberkesanan perkhidmatan pemeliharaan dan pemeliharaan yang menyeluruh ke atas TAPIS telah mentertibkan keadaan pusara, peletakan batu-batu nisan, tambak dan penambakan serta penggalian kubur baru.

Pencapaian projek ialah ianya dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat bagi mengenalpasti kawasan kubur ahli keluarga mereka dengan cepat dan tepat.

**ANUGERAH PERAK 2004
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)**

**PROGRAM MENGUKUHKAN JAMINAN MAKANAN NEGARA BAGI
KOMODITI TERNAKAN
Kumpulan Veterinar
Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Pertanian
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

Projek ini mula diperkenalkan dalam tahun 2000 dan dilaksanakan pada tahun 2001.

Inisiatif untuk mengungkapkahkan projek ini adalah merupakan kesinambungan rancangan jangkamasa panjang Jabatan Pertanian serta hasrat negara ke arah memenuhi kehendak dan keperluan negara terhadap komoditi ternakan bukan saja dari segi kuantiti bahkan juga tidak kurang pentingnya dari segi kualiti.

Sasaran projek ini ialah para pengusaha, termasuklah pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan orang ramai.

Tumpuan Projek ialah dihadkan kepada keupayaan pengeluaran dan pemprosesan, jaminan keselamatan makanan (food safety) dan isu ketersediaan (availability) bahan komoditi ternakan.

Pencapaian projek ialah seperti berikut:

- Peningkatan jaminan dan keselamatan makanan hasil dari ternakan (FOOD SAFETY AND SECURITY) dan ke arah menepati piawaian antarabangsa;

- Peningkatan keupayaan, kemahiran dan produktiviti sumber tenaga manusia bagi sektor awam dan swasta;
- Menjamin kesinambungan penghasilan dan mewujudkan potensi sektor pemprosesan produk tambah nilai; dan
- Peningkatan keyakinan pengguna ke atas produk hasil dari ternakan.

**ANUGERAH GANGSA 2004
(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)**

**KE ARAH PENCAPAIAN FUNGSI PERPUSTAKAAN MASJID SEBAGAI
PUSAT ILMU
Kumpulan Dar Al-Ulum,
Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat,
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Projek ini mula diperkenalkan pada tahun 2001 dan seterusnya dilaksanakan pada tahun 2002.

Inisiatif bagi melaksanakan projek ini adalah bagi mengenalpasti masalah-masalah yang timbul dalam pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan tertentu dan seterusnya meningkatkan prestasi organisasi dan mutu perkhidmatan selaras dengan hasrat untuk menjadikan Jabatan Hal Ehwal Masjid sebagai Pusat Sumber Ilmu dan maklumat yang berkesan di Negara ini khususnya kepada masyarakat Islam yang merupakan sasaran projek ini.

Bidang tumpuan projek ialah untuk meningkatkan fungsi dan peranan Perpustakaan Masjid supaya dapat memainkan peranannya sebagai pusat ilmu dengan berkesan.

Pencapaian yang dapat diperolehi daripada pelaksanaan projek ini ialah untuk:

- Menggalakkan atau meningkatkan minat masyarakat Islam supaya gemar membaca dan menjadikan tabiat membaca tersebut sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian;

- Menyediakan sumber rujukan bagi memudahkan lagi pegawai-pegawai masjid atau imam-imam merujuk mengenai dengan pelbagai perkara yang bersangkutan dengan hukum-hakam Islam dan sebagainya yang diperlukan di dalam mereka menjalankan tugas-tugas seharian sebagai ketua di dalam peribadian sesebuah kampung atau mukim; dan

- Menyediakan konsep terbuka bagi memudahkan lagi orang-orang yang baru memeluk agama Islam ataupun orang-orang yang belum beragama Islam yang berminat untuk mendapatkan bahan-bahan yang bercorak dan berunsurkan Islam.

ANUGERAH PERAK 2006

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

PELAKSANAAN SISTEM IQRA DALAM GERAKAN CELIK AL-QURAN DI MASJID-MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Kumpulan An-Nuur
Bahagian Imarah
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan dalam tahun 2005.

Selaras dengan objektif perlaksanaannya, projek ini telah berupaya membantu Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam penyampaian perkhidmatan yang dimaksudkan bagi menyemarakkan lagi institusi tersebut sebagai Pusat Ilmu.

Bidang tumpuan projek adalah untuk menarik minat lebih ramai kanak-kanak berusia 6-11 tahun mengikuti pendidikan Al-Quran di kelas-kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid dan peningkatan mutu pengurusan, kualiti dan produktiviti kelas-kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid. Di samping itu, untuk memastikan masjid-masjid menggunakan sepenuhnya Sistem IQRA dalam pengajian dan pembelajaran (P&P) kelas-kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid.

Sehingga September 2004 hanya 298 (49.7 peratus) dari sejumlah 600 kelompok pengajian al-Quran dan muqaddam di masjid-masjid seluruh negara telah beralih menggunakan sistem IQRA sebagai P&P. Sementara 302 (50.3 peratus) selebihnya masih menggunakan sistem Baghdadiyyah atau Yahyawiyah.

Pelaksanaan sistem ini telah membawa kepada pemendekan masa mempelajari Muqaddam di masjid-masjid dan murid-murid yang mengikuti perkhidmatan tersebut berupaya menguasai pembacaan Muqaddam dengan berkesan dalam tempoh 74 kali Jumaat (148 jam belajar) berbanding sebelumnya selama 111 kali Jumaat hingga 185 kali Jumaat.

ANUGERAH GANGSA 2006

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

**MEMPERCEPATKAN PROSES PERMOHONAN TARAF KERAKYATAN DI
BAWAH BAB 6(1) MENGIKUT IBU WARGANEGARA BRUNEI
Kumpulan MTB 15
Bahagian Pendaftaran Taraf Kebangsaan (Warganegara)
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Projek ini mula diperkenalkan dalam tahun 2004 dan dilaksanakan dalam bulan Februari 2005.

Inisiatif bagi mengungkapkahkan projek ini adalah bagi memenuhi perubahan dasar pemberian taraf kerakyatan dan juga matlamat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi mempercepatkan proses mempertimbangkan permohonan-permohonan yang begitu banyak dalam kategori yang berkenaan.

Tumpuan projek ini adalah untuk dapat mengeluarkan sijil kerakyatan dengan lebih cepat lagi kepada mereka yang telah dilimpah kurnia perkenan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutama anak-anak yang telah diperkenankan di bawah Bab 6(1).

Pencapaian yang dapat diperolehi daripada pelaksanaan projek ini ialah:

- Permohonan-permohonan cepat diproses;
- Produktiviti pengeluaran sijil kerakyatan meningkat; dan

- Penyampaian sijil kerakyatan kerap dilakukan iaitu seminggu sekali.

**ANUGERAH GANGSA 2006
(KATEGORI KEWANGAN)**

**AMALAN MESRA ALAM
Kumpulan Kompos
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan**

Projek yang diperkenalkan sejak awal bulan September 2005 ini memberikan tumpuan kepada proses pengeluaran baja kompos dengan menggunakan kos rendah yang hanya melibatkan pereputan bahan-bahan asli yang terbuang iaitu rumput-rumpai, daun-daun dan ranting-ranting.

Projek ini mempunyai kaitan yang rapat dengan misi dan perkhidmatan utama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi iaitu ke arah memastikan alam persekitaran yang bersih dan selesa.

Baja kompos yang bersifat “mesra alam” yang dihasilkan oleh projek ini didapati bukan saja telah dapat menjimatkan perbelanjaan pembelian lain-lain jenis baja bahkan juga mengurangkan longgokan sampah dan kos pembuangan sisa-sisa serta serba sedikit mengurangkan tahap pencemaran persekitaran yang terbit dari kegiatan pembakaran terbuka.

Pencapaian projek ialah:

- menjimatkan kos perbelanjaan membeli lain jenis baja organik dan baja kimia;
- memberikan pulangan hasil; dan

- mengurangkan kos pembuangan sisa-sisa tanaman ketapak pelupusan sampah.

ANUGERAH EMAS 2008

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

PENINGKATAN PERKHIDMATAN PELANGGAN MELALUI PENGURUSAN PERUBAHAN ATAU *CHANGE MANAGEMENT*

Bahagian Operasi dan Pemeliharaan & Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan Perkhidmatan Air
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Dalam era yang sentiasa berubah dan mencabar, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam memainkan peranan pemangkin bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sistem Pengurusan Perubahan adalah diperlukan bagi menjana usaha dalam mempertingkatkan kecekapan Jabatan Perkhidmatan Air. Projek ini mengenalkan unsur unsur Pengukuhan Institusi (Institutional Stengthening) dengan menggunakan konsep Pengurusan Perubahan (Change Management) bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Melalui fasa pertamanya, diantara beberapa perubahan utama yang dilaksanakan termasuklah mensejajarkan (aligning) haluan organisasi bagi mendokong matlamat Jabatan dan Kementerian menuju hasrat, wawasan dan aspirasi negara; penyediaan perancangan strategi Organisasi dan pelan tindakan sebagai pemandu halatuju pembangunan negara; pengemaskinian proses dalaman dan luaran melalui proses pengiktirafan ISO 9000:2001 bagi Perkhidmatan Pengurusan Sistem Bekalan Air dan ISO17025 bagi Perkhidmatan Makmal Air yang melibatkan sasaran perkhidmatan kepada pelanggan dan Stakeholders; peningkatan sistem operasi ke sistem IT seperti kordinasi dan pemantauan perkhidmatan operasi dan pemeliharaan melalui sistem MAXIMO (*Operation Control Centre & Operator Centre 140*) , sistem

telemetry bagi pemantauan pengeluaran Loji Rawatan Air dan operasi pam-pam utama serta sukatan paras air di tangki tangki utama dan Sistem baru E-BIS (*E-Billing Integrated Sistem*).

Perubahan ketara telah dapat dirasai melalui maklumbalas kajiselidik dari orang ramai yang berurusan dengan Jabatan ini; pencapaian TPOR dan kekurangan aduan melalui Hotline Jabatan dan pihak media; perkhidmatan bekalan air yang selamat dan berterusan telah dapat dicapai dengan adanya peningkatan dalam pengeluaran bekalan air bersih dari Loji Rawatan Bukit Barun; pengurusan yang lebih cekap dan cepat melalui penglibatan pihak swasta dalam mencapai sasaran Tekad Pemedulian Orang Ramai; pemantauan aduan orang ramai; dan, tindakan kumpulan Operasi melalui sistem MAXIMO dan kumpulan Gerakan Kecemasan (*Emergency Task Force Team*). Peningkatan dalam persekitaran kerja dan penampilan setiap kakitangan operasi juga diberi perhatian bagi memupuk dan meningkatkan budaya kerja sepasukan (teamwork) dan motivasi diri setiap individu. Ini juga menjurus kepada halatuju Jabatan untuk diiktiraf sebagai '*top 20 Asian Pacific Region water authorities*' menjelang tahun 2010.

ANUGERAH PERAK 2008

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

MEMPERKEMAS SISTEM PENERIMAAN PEMBAYARAN

Bahagian Perancangan dan Perkhidmatan Korporat

Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri

Projek Memperkemas Sistem Penerimaan Bayaran ini diperkenalkan pada 6hb. Januari 2006 dan mula dilaksanakan pada 6hb. November 2006. Projek ini adalah inisiatif yang diungkapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna serta orang ramai untuk meningkatkan lagi prestasi, produktiviti dan kualiti terhadap proses penerimaan pembayaran bil dalam Jabatan kearah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Disamping itu juga, projek ini diusahakan untuk menjimatkan sumber tenaga manusia dan mempercepatkan kerja-kerja penghantaran diskette dari cawangan-cawangan ke Ibu Pejabat Elektrik untuk pemprosesan selanjutnya serta mempelbagaikan jenis penerimaan pembayaran bil di Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Projek ini menggariskan beberapa faktor mengenai dengan kekurangan dan kelemahan sistem penerimaan pembayaran Bil (POS) yang lama seperti IRM lama yang berasaskan DOS tidak dapat dipertingkatkan seiring dengan kemajuan teknologi masa kini yang mana lebih canggih dan mencabar; data yang disimpan didalam diskette, selalunya lewat dihantar ke ibu pejabat bagi pemprosesan selanjutnya; kehilangan data selalunya terjadi semasa gangguan bekalan elektrik '*power failure*'; dan, aplikasi IRM yang disimpan didalam '*floppy disk drive*' mudah rosak dan menyebabkan ada kerosakan pada filem *magnetic* serta kehilangan data.

Disebabkan oleh masalah-masalah ini, kerja-kerja yang bersangkutan dengan kaunter penerimaan pembayaran menjadi kurang berkualiti, tidak efektif dan kurang produktif.

Setelah membuat beberapa percambahan fikiran, beberapa faktor yang difikirkan boleh memperbaiki atau mengurangkan masalah berkenaan dapat dikenalpasti seperti penyerapan teknologi baru kedalam sistem penerimaan bil; mempercepatkan penghantaran data dari cawangan ke ibu pejabat; meningkatkan tahap keselamatan data seperti '*audit tracking*'; mengemaskinikan pentadbiran dikalangan kaunter pembayaran; menyelaraskan tugas-tugas di bahagian kaunter pembayaran; pemantauan padu terhadap semua juruwang; pemantauan masalah kerja; menyediakan laporan mengenai dengan penerimaan pembayaran bil; menambah sumber tenaga manusia; mempelbagaikan jenis penerimaan pembayaran bil; dan, lain-lain.

ANUGERAH GANGSA 2008

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

SISTEM MAKLUMAT KAKITANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN

Bahagian HaRIIS,
Jabatan Pentadbiran & Kewangan
Kementerian Kesihatan

Projek ini telah dimulakan pada bulan Februari 2006, manakala pengkalan data utama (main database) iaitu rekod maklumat dan perkhidmatan kakitangan telah siap dibuat pada bulan Oktober 2006. Taklimat mengenai sistem tersebut telah dibuat pada 3 Oktober 2006 di dalam mesyuarat ketua-ketua jabatan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan seterusnya telah menyokong dan meluluskan sistem HaRIIS sebagai sistem maklumat dan pengurusan kakitangan yang akan digunakan di Kementerian Kesihatan.

Projek ini juga merupakan *emphasis* dan hasrat Yang Berhormat Menteri Kesihatan dimana perlunya "*usaha kearah meningkatkan pengurusan dan perancangan sumber tenaga manusia di Kementerian Kesihatan menjadi lebih strategik, terarah, dinamik dan berkesan dan dapat memenuhi matlamat Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, efisien, efektif dan diyakini ramai*" (Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Osman, 15 Mac 2006)

Projek mewujudkan sistem maklumat dan pengurusan kakitangan berkomputer secara "inhouse" yang dikenali sebagai sistem HaRIIS (Advanced Human Resource Information Intelligent System) di Kementerian Kesihatan adalah berasaskan keperluan pentadbiran iaitu bagi mendapatkan maklumat mengenai sumber tenaga manusia di Kementerian ini yang berjumlah lebih dari 5800 orang dari tiga (3)

jabatan utama iaitu Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (16 jabatan-jabatan dibawahnya termasuk 4 buah hospital, 15 pusat-pusat kesihatan dan 13 klinik-klinik kesihatan).

Projek ini seterusnya diharap akan menjadi platform dalam membudayakan pegawai dan kakitangan Kementerian ini khususnya dalam pentadbiran sumber tenaga manusia dalam penggunaan info komunikasi (*ICT*) yang tidak dapat disangkalkan kepentingannya masakini. Di peringkat pengurusan atasan, sistem ini telah dapat membantu Kementerian ini didalam meningkatkan kualiti keputusan yang dibuat (*decision making*) seperti perancangan penggantian, pengurusan budget (*jawatan*), kenaikan pangkat, *staff turnover* (kadar kemasukkan dan penamatan perkhidmatan) dan sebagainya dengan memberi maklumat -maklumat yang lebih berkualiti, informatif dan cepat.

Projek ini juga telah membuktikan bahawa anak tempatan sendiri telah dapat membuat satu sistem maklumat dan pengurusan kakitangan yang praktikal, dapat digunakan dengan mudah dan sesuai dengan keperluan organisasi.

ANUGERAH PERAK 2008
(KATEGORI KEWANGAN)

KEJAYAAN PENGURUSAN PERUBAHAN ATAU *CHANGE MANAGEMENT*
DALAM PENINGKATAN KUTIPAN HASIL

Bahagian Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan Perkhidmatan Air
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Projek ini telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kerajaan untuk mempertingkatkan kutipan hasil dan mengurangkan tunggakan yang mana merupakan cabaran utama dalam meningkatkan hasil kewangan Negara. Jabatan Perkhidmatan Air telah menangani cabaran ini melalui konsep pengurusan perubahan atau '*Change Management*'.

Salah satu cabaran utama melalui konsep ini ialah bagi meningkatkan kutipan hasil. Melalui projek ini, peningkatan dalam produktiviti dan keberkesanan ini telah dapat dilihat pada penghujung tahun 2006 , dimana hasil kutipan telah meningkat melebihi \$6.8 juta ringgit dari kutipan sebelumnya (perbandingan trend kutipan tahun 2005 (\$ 9,419,183.61) atau kutipan tahun 2006 (\$16,276,510.70). Peningkatan ini juga dapat dilihat pada awal tahun ini, dimana kutipan melebihi \$12,084,069.00 (Januari hingga April 2008) . Manakala, kadar kutipan setiap tahun sebelum tahun 2005 adalah \$9 juta purata.

Melalui pengurusan perubahan, Jabatan ini dapat memenuhi keperluan dan expektasi orang ramai dari segi penerimaan bil dengan cepat dan kemudahan membayar bil melalui sistem *eBIS* dan pengurusan *Metering* dan *Billing*. Manakala, pelanggan dapat membayar dikesemua cawangan pejabat pos (25 pejabat pos) berbanding sebelumnya (11 pejabat pos) dan cara pembayaran ditambah melalui kad kredit dan potongan gaji selain dari wang tunai dan cek. Usaha-usaha bagi membentuk persekitaran yang lebih kondusif juga diberikan fokus bagi penyelesaian

dan kecepatan orang ramai berurusan dengan Jabatan. Peningkatan dari segi memenuhi expektasi dan kepuasan orang ramai ketara dilihat dari perbandingan kajiselidik tahun ini dan tahun sebelumnya (85% penambahbaikan).

Projek ini telah membuktikan keberkesanan kaedah 'pengurusan perubahan' atau '*Change Management*' dalam menghadapi cabaran arus perubahan didalam persekitaran luaran yang melibatkan stakeholders dan pelanggan. Ini dapat dilihat dari trend kutipan hasil dimana melalui konsep '*Change Management*', perbezaan yang amat ketara dari segi peningkatan trend kutipan hasil sejak projek ini dilaksanakan adalah jelas. Perbandingan kutipan 2006 (\$16,276,510.70) dengan 2005 (\$9,419,183.61) = Peningkatan \$6.8 juta; perbandingan 2007 (\$13,032,702.19) dengan 2006 (\$16,276,510.70) = Peningkatan \$3.2 juta; dan, 4 bulan awal tahun 2008 (\$12,084,069.88) dengan 2007 (\$4,594,139.40) = Peningkatan \$7.5 juta.

ANUGERAH GANGSA 2008
(KATEGORI KEWANGAN)

**PROJEK PEMANTAUAN DAN KUTIPAN BALIK WANG PENDAHULUAN
RAMPAIAN E59116**

Unit Sub Lejar & Unit Hasil dan *Recovery*
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

Projek Pemantauan dan Kutipan Balik Wang Pendahuluan Rampaian E59116 mula dilaksanakan pada Januari 2007 oleh Unit Sub Lejar dan Unit Hasil dan *Recovery*, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Dalam perancangan kerja projek ini, tunggakan-tunggakan Wang Pendahuluan Rampaian E59116 telah dibahagikan kepada dua kategori bertujuan untuk dijadikan sebagai *cut-off point* dan seterusnya mengelakkan tunggakan terdahulu yang agak rumit dicampurkan dengan tunggakan semasa. Projek ini menumpukan perhatian kepada tunggakan WPR E59116 mulai tahun 2007; dan, tunggakan WPR E59116 bagi tahun 2006 dan ke bawah.

Pengutipan balik tunggakan Wang Pendahuluan Rampaian ini telah dipertanggungjawabkan kepada dua Unit: Unit Sub Lejar bagi membuat tuntutan Wang Pendahuluan semasa dan Unit Hasil dan *Recovery* bagi tunggakan yang lapuk.

Penyemakkan semula ke atas kad-kad lejar telah dilakukan sebelum dipindahkan kepada sistem *database (Microsoft Access)* dan rancangan kerja yang berjadual juga diperkenalkan. Beberapa orang kakitangan diperlukan secara sementara terutamanya bagi kerja-kerja penyemakkan semula lejar berkenaan.

Hasil pelaksanaan projek ini ialah pencapaian yang menggalakkan terutamanya dalam pengutipan balik tuntutan-tuntutan semasa dalam tempoh masa yang telah dijadualkan. Projek ini juga adalah sebagai pemangkin kepada usaha penambahbaikan pengurusan dan tatacara kerja yang lain di Unit Sub-Lejar khususnya bagi menangani Wang Taruhan dan Wang Pendahuluan Perseorangan E59114.

ANUGERAH GANGSA 2010

(KATEGORI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN)

**MENAIKTARAF SISTEM KAWALAN SEMPADAN
Kumpulan Pemeriksaan Kawalan Imigresen (PKI)
Bahagian Penyelidikan, Perkembangan & Komputer (PPK),
Pos-Pos Kawalan dan Pengkuasaan Undang-Undang (PGN),
Bahagian Tapisan Keselamatan
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Projek Menaiktaraf Sistem Kawalan Sempadan adalah merupakan salah satu projek di bawah projek E-Kerajaan iaitu projek "*Enhancement of Border Control System and Migration towards E-Government*", yang mana ianya telah ditandatangani dalam bulan Julai 2005 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu diwakili oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan Syarikat ITPSS Sdn Bhd.

Matlamat projek ini diperkenalkan dan dilaksanakan adalah untuk mempertingkatkan tahap keselamatan dalam mengawal dan mengesan pergerakan orang ramai yang keluar/ masuk dari/ke negara ini melalui pos-pos kawalan Imigresen dengan cepat dan berkesan serta memantapkan lagi keupayaan sistem data maklumat yang sedia ada di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Projek ini juga dimaksudkan untuk menggantikan Sistem *Legacy* yang telah digunakan sejak tahun 1994 kepada satu sistem pengkalan data iaitu Sistem *Oracle* yang mesra pelanggan dan lebih selamat serta '*reliable*'.

Diantara beberapa objektif pelaksanaan projek ini termasuklah meningkatkan tahap keselamatan dan pengawalan bagi perjalanan orang-orang awam yang keluar/masuk melalui pos-pos kawalan yang diiktirafkan di negara ini; mewujudkan pengkalan data yang

komprehensif dalam merekodkan dan menyimpan data-data maklumat bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam serta warga asing yang boleh di akses oleh Bahagian Warganegara, Dokumen Perjalanan, Permit Masuk, Tapisan Keselamatan, Pekerja Asing, Visa Lawatan dan Diplomatik serta Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; membantu mengesan perjalanan serta aktiviti-aktiviti transaksi bagi perjalanan orang-orang awam yang keluar/masuk melalui pos-pos kawalan Imigresen di Negara ini; memperkenalkan dan meningkatkan penggunaan teknologi rangkaian (*network*) terkini bagi proses transaksi dan tujuan replikasi; mengurangkan dan menjimatkan masa untuk memproses data misalnya memproses kemasukan data (*data entry*), memperolehi data dan mereplikasi data dalam memberikan perkhidmatan serta membuat keputusan yang cepat dan tepat; dan, memberikan dan memudahkan kepada pengguna untuk mengubah dan mengemaskinikan data yang sedia ada ke arah yang lebih mesra pengguna (*user-friendly*).

Projek ini memberi tiga kesan positif yang ketara iaitu perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai; peningkatan prestasi Jabatan; dan, dari segi menjaga keselamatan dan kestabilan Negara.

ANUGERAH GANGSA 2010
(KATEGORI KEWANGAN)

**MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA KAPAL-KAPAL *OFFSHORE* DI
PELABUHAN MUARA**
Kumpulan Operasi Perkapalan Pelabuhan Muara
Bahagian Gerakan/Unit Perkapalan
Jabatan Pelabuhan
Kementerian Perhubungan

Kapal-kapal *Offshore* merupakan kapal-kapal kepunyaan Syarikat-syarikat perkapalan tempatan yang diberi kontrak/disewa oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd (BSP). Di Pelabuhan Muara, kapal-kapal ini bertambat didermaga bagi tujuan pengangkutan tenaga kerja, makan dan kerja-kerja pemeliharaan/pembaikan ringan.

Kapal-kapal *Offshore* menggunakan jeti/dermaga kepunyaan Syarikat Jasra Harrisons yang terletak ditapak tanah Industri Serasa dibawah bidang kuasa BINA bagi penambatan dan penyimpanan. Dengan mengambilkira perkara tertentu, beberapa syarikat perkapalan yang mendapat kontrak dengan BSP mencari tempat alternatif. Menyedari akan peluang ini, Jabatan Pelabuhan telah membuat perundingan dengan beberapa syarikat perkapalan dengan membukakan ruang-ruang dermaga yang kosong serta masa yang tidak diisi oleh kapal-kapal pedagang. Inisiatif telah dibuat dengan membenarkan kapal-kapal *offshore* untuk bertambat dengan syarat jika terdapat kekosongan didermaga, walaubagaimanapun kapal-kapal perdagangan tetap diberikan keutamaan untuk bertambat terlebih dahulu.

Diantara beberapa objektif projek ini termasuklah memberi perkhidmatan kepada kapal-kapal *offshore* bagi melancarkan serta mengembangmajukan industri cari gali minyak; meningkatkan

penggunaan Pelabuhan Muara ke tahap maksima kepada kapal *offshore* dengan mengisi kekosongan didermaga; meningkatkan hasil pendapatan Jabatan Pelabuhan; meningkatkan kemampuan tenaga kerja Jabatan Pelabuhan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan berdaya saing; mengemaskinikan lagi peraturan dan prosedur kepada kapal-kapal yang tidak diberikan keutamaan seperti kapal *offshore* dan kapal perang; mengukur kemampuan Jabatan Pelabuhan dalam memberikan perkhidmatan tambah nilai (*value added service*) di Pelabuhan Muara; dan, mempersiapkan Pelabuhan Muara dengan memperbaiki Struktur Organisasi dan Struktur Perkhidmatan ke arah pengkorpratan.

Kesan positif yang paling ketara dari pelaksanaan projek ini ialah hasil pendapatan dari kapal-kapal *offshore* yang dikutip adalah lebih tinggi dari kapal-kapal pedagang; meningkatnya penggunaan dermaga bagi penambatan kapal-kapal *offshore*; dan, Kehadiran kapal-kapal *offshore* memberikan *spin-off* kepada aktiviti-aktiviti lain di dalam kawasan Pelabuhan Muara seperti penyimpanan barangan di gudang dan dilapangan terbuka (*open yard*) dimana bayaran penyimpanan (*store rent*) dikenakan.